



11 Jun 2012
11 June 2012
P.U. (A) 173

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH FI (MUZIUM DAN PAMERAN)
(JABATAN MUZIUM MALAYSIA) 2012

*FEES (MUSEUM AND EXHIBITION)
(DEPARTMENT OF MUSEUMS MALAYSIA) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH /
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA /
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (MUZIUM DAN PAMERAN) (JABATAN MUZIUM MALAYSIA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia;

“Muzium” ertinya ruang atau kawasan di dalam bangunan yang telah diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia dan sebagaimana yang dikategorikan dalam Jadual Pertama;

“Pameran” ertinya “Pameran Khas Utama” atau “Pameran Khas” sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Kedua.

Fi Muzium

3. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Pertama hendaklah dikenakan oleh Jabatan Muzium Malaysia untuk memasuki Muzium berkenaan dengan kategori pelawat yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), fi yang dikutip daripada seseorang pelawat untuk memasuki mana-mana Muzium hendaklah dikutip sekali dalam tempoh kesahan yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama.

Fi Pameran

4. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Kedua hendaklah dikenakan oleh Jabatan Muzium Malaysia untuk memasuki Pameran berkenaan dengan kategori pelawat yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), fi yang dikutip daripada seseorang pelawat untuk memasuki mana-mana Pameran hendaklah dikutip sekali dalam tempoh kesahan yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua.

Fi lain

5. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Ketiga hendaklah dikenakan oleh Jabatan Muzium Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Ketiga.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), fi yang dikutip daripada seseorang pelawat berkenaan dengan perkara-perkara itu hendaklah dikutip sekali dalam tempoh kesahan yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Ketiga.

Pembayaran fi

6. (1) Fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar kepada Jabatan Muzium Malaysia oleh orang yang baginya kemudahan yang disebut dalam perenggan 3, 4 dan 5 disediakan.

(2) Semua fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara penuh dan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Jabatan Muzium Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

Remitan

7. Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal tertentu, meremit sama ada kesemua atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini.

JADUAL PERTAMA
[Perenggan 3]

Dalam Jadual ini, “Muzium Terpilih” ertinya muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia yang telah dipilih oleh Ketua Pengarah bagi tujuan fi dikenakan.

(1) <i>Kategori Muzium</i>	(2) <i>Kategori Pelawat</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>	(4) <i>Tempoh Kesahan</i>
Muzium Terpilih	A. Warganegara Malaysia-		
	(a) Dewasa	2.00	
	(b) Berumur 55 tahun dan ke atas atau orang kurang upaya	1.00	
	(c) Ahli Majlis Muzium Antarabangsa(ICOM)	Percuma	
	(d) Pelajar sekolah menengah berpakaian seragam	Percuma	Pada tarikh pembelian atau sebagaimana yang dinyatakan dalam tiket
	(e) Pelajar sekolah menengah tidak berpakaian seragam	2.00	
	(f) Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah	Percuma	
	B. Warganegara Asing-		
	(a) Berumur 13 tahun dan ke atas	5.00	
	(b) Kanak-kanak berumur 6 - 12 tahun	2.00	Pada tarikh pembelian atau sebagaimana yang dinyatakan dalam tiket
	(c) Ahli Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM)	Percuma	
	(d) Kanak-kanak berumur 5 tahun dan ke bawah	Percuma	

JADUAL KEDUA
[Perenggan 2 dan 4]

1. Dalam Jadual ini, “Pameran Khas Utama” dan “Pameran Khas” ialah pameran untuk menunjukkan atau mempamerkan apa-apa artifak atau bahan lain bagi suatu tempoh masa tertentu di ruang atau kawasan di luar muzium.
2. Pameran hendaklah diperakui oleh Ketua Pengarah dan ditadbirkan dan diuruskan oleh Jabatan Muzium Malaysia.

(1) <i>Kategori Pameran</i>	(2) <i>Kategori Pelawat</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>	(4) <i>Tempoh Kesahan</i>
1. Pameran Khas Utama	A. Warganegara Malaysia-		
	(a) Dewasa	5.00	
	(b) Berumur 55 tahun dan ke atas atau orang kurang upaya	3.00	
	(c) Ahli Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM)	Percuma	
	(d) Pelajar sekolah menengah berpakaian seragam	2.00	Pada tarikh pembelian atau sebagaimana yang dinyatakan dalam tiket
	(e) Pelajar sekolah menengah tidak berpakaian seragam	3.00	
	(f) Kanak-kanak berumur 6 – 12 tahun	2.00	
	(g) Kanak-kanak berumur 5 tahun dan ke bawah	Percuma	
	B. Warganegara Asing-		
	(a) Berumur 13 tahun dan ke atas	10.00	
	(b) Kanak-kanak berumur 6 - 12 tahun	5.00	Pada tarikh pembelian atau sebagaimana yang dinyatakan dalam tiket
	(c) Ahli Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM)	Percuma	
	(d) Kanak-kanak berumur 5 tahun dan ke bawah	Percuma	